

Tiga rakyat Malaysia bakal cipta sejarah

UM 25 OCT 2003
Oleh LAUPA JUNUS

KUALA LUMPUR 24 Okt.— Tiga rakyat Malaysia bakal mencipta sejarah menjadi kumpulan pertama menjelajah benua Antartika selama 120 hari sekiranya projek 'Cabaran Jelajah Merentasi Antartika' dapat dilaksanakan.

Kumpulan tiga profesional Melayu itu berbuat demikian sebagai menyaht cabaran Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad beberapa bulan lalu supaya rakyat Malaysia menjelajah benua sejuk itu.

Ketua kumpulan ekspedisi itu, Dr. M. Kamaruddin M. Isa berkata, setakat ini tidak ada mana-mana kumpulan atau individu berbuat demikian iaitu berjalan menjelajah Antartika sehingga 120 hari.

"Projek ini bukan sahaja menyaht cabaran Dr. Mahathir tetapi sebagai penghargaan kepada beliau.

"Kami akan merentasi laluan sepanjang 3,800 kilometer dan akan menamakannya sebagai Laluan Cabaran Dr. Mahathir sekiranya berjaya berbuat demikian," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini.

Selain Dr. Kamaruddin yang juga pengamal perubatan, dua lagi ahli ekspedisi itu ialah pegawai Majlis Sukan Negara (MSN), Suhardi Alias dan pensyarah psikologi Universiti Teknologi Mara (UiTM), Sharifah Mazlina Syed Abdul Kadir.

Menurut Dr. Kamaruddin, projek tersebut diilhamkan pada 2000 dan segala perancangan dan latihan dimulakan pada tahun berikutnya.

Beliau berkata, antara matlamat projek tersebut ialah bagi membuktikan kepada dunia bahawa

penduduk dari kumpulan negara panas seperti Malaysia juga berkemampuan menjelajah benua Antartika.

"Kami akan mengibarkan Jalur Gemilang di benua tersebut," katanya.

Paling menarik, mereka juga akan menjalankan beberapa penyelidikan dan mengumpul data saintifik yang berkaitan dengan kepakaran masing-masing.

Penyelidikan

Katanya, Suhardi akan menjalankan penyelidikan mengenai perbandingan kadar metabolisme badan dalam cuaca sejuk yang melampau manakala Sharifah Mazlina akan mengkaji kesan perbandingan psikologi, emosi dan ketahanan manusia antara lelaki dan wanita dalam cuaca sejuk.

Dr. Kamaruddin berkata, beliau pula akan mengawasi daripada aspek teknikal memandangkan beliau pernah menjejak-

kan kaki di benua tersebut sebelum ini.

Menurut Dr. Kamaruddin, penjelajahan tersebut akan diadakan dalam tiga bentuk iaitu menerusi *wind sailing*, menggunakan ski dan berjalan kaki dalam lima peringkat.

Perjalanan tersebut katanya, bermula dari Stesen Blue One hingga ke Scott Base.

Perjalanan peringkat pertama membabitkan perjalanan dari Stesen Blue One sepanjang 100 kilometer menerusi Banjaran Prinsesse Kyst selama 10 hari hingga ke Stesen Troll.

Perjalanan peringkat kedua ialah dari Stesen Troll ke Kutub Selatan merentasi Polar Plateau sepanjang 1,600 kilometer menggunakan *wind sailing* atau ski selama 40 hari.

Bagi peringkat ketiga, mereka bergerak menghala ke Gunung Queen Maud di Banjaran Gunung Transantartic seja-

uh 1,200 kilometer yang memakan masa selama 30 hari.

Bagi peringkat keempat, mereka akan melalui Glacier Beardmore atau Shackleton hingga ke Ross Ice Shelf sejauh 100 kilometer yang dijangka memakan masa 10 hari.

Peringkat kelima memerlukan kumpulan ini merentasi perjalanan 800 kilometer yang sama ada menggunakan ski atau *wind sailing* menuju ke Stesen Scott Base dan Mc Murdoch dan dijangka memakan masa 30 hari.

Kumpulan ini dijangka bertolak ke Punta Arenas, Chile bagi memulakan ekspedisi pada 10 November ini selepas menamatkan latihan akhir di Norway.

Bagaimanapun, mereka masih memerlukan sumbangan penajaan bagi menjayakan misi tersebut kerana ekspedisi tersebut memerlukan perbelanjaan yang banyak.